

1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 1.1 Gunakan SATU borang untuk SATU tempahan nombor pendaftaran sahaja;
- 1.2 Menyatakan harga tempahan penuh dalam borang tidak kurang daripada harga tempahan minima mengikut kategori iaitu **Nombor Bernilai Utama (Golden Number) RM10,000.00, Nombor Menarik (Attractive Number) RM2,000.00, dan Nombor Popular (Popular Number) RM300.00;**
- 1.3 Borang hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas;
- 1.4 Setiap permohonan hendaklah menggunakan alamat surat-menyurat yang terkini;
- 1.5 Bagi permohonan individu, borang hendaklah ditandatangani oleh pemohon sendiri. Bagi Perniagaan / Syarikat / Pertubuhan /Koperasi / Badan Profesional / Agensi Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun / Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu / Kedutaan / Pejabat Pesuruhjaya Tinggi / Pertubuhan Antarabangsa / Pejabat Serantau, borang hendaklah ditandatangani oleh pihak berkenaan berserta nama dan cop rasmi;
- 1.6 Tidak dibenarkan membuat sebarang pindaan atau pembetulan. Sila gunakan borang baru sekiranya terdapat kesilapan atau pindaan;(revise-guna ayat suruhan)
- 1.7 Sertakan Yuran perkhidmatan sebanyak RM10.00 dalam bentuk Slip Bayaran Perkhidmatan bagi setiap permohonan (tidak dikembalikan). Yuran perkhidmatan boleh dibayar di mana-mana pejabat JPJ Negeri/Cawangan yang melaksanakan aktiviti pendaftaran dan/atau pelesenan kenderaan dan hendaklah disertakan bersama-sama permohonan;
- 1.8 Yuran perkhidmatan sebanyak RM10.00 hendaklah dijelaskan sebelum tempoh tempahan nombor pendaftaran ditutup.
- 1.9 Maklumat nombor kad pengenalan / nombor syarikat hendaklah sama di antara borang tempahan dengan slip perkhidmatan;

2. DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN

- 2.1 Borang Tempahan Nombor Pendaftaran Secara Tawaran (M.V. 10) boleh didapati di Pejabat Pengangkutan Jalan Negeri / Cawangan atau Laman Web JPJ (www.jpj.gov.my);
- 2.2 Setiap satu borang hendaklah disertakan dengan satu salinan fotostat Kad Pengenalan/pasport/sijil kelahiran/resit pengenalan sementara yang masih berkuatkuasa/Kad Pengenalan Polis/Kad Pengenalan Tentera pemohon; atau Satu salinan fotostat Sijil Pendaftaran Perniagaan (Borang D) (Semenanjung Malaysia sahaja) atau satu salinan fotostat Lesen Perniagaan (Sabah dan Sarawak sahaja); atau Satu salinan fotostat Borang 9 atau Borang 13; atau Satu salinan fotostat Sijil Pendaftaran Pertubuhan atau Koperasi atau Badan Profesional; atau Surat rasmi asal permohonan tempahan nombor pendaftaran (bagi Agensi Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun / Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu / Kedutaan / Pejabat Pesuruhjaya Tinggi / Pertubuhan Antarabangsa / Pejabat Serantau);
- 2.3 Setiap tempahan hendaklah disertakan dengan bayaran pendahuluan tempahan 50% daripada harga tempahan penuh. Sekiranya bayaran pendahuluan yang disertakan adalah kurang daripada 50% maka permohonan adalah **TERBATAL** dengan sendirinya;
- 2.4 Draf Bank /Kiriman Wang yang merupakan bayaran deposit dan dibuat atas nama **AKAUN KERAJAAN MALAYSIA, KETUA AKAUNTAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**. Wang tunai atau cek persendirian tidak diterima;
- 2.5 Slip bayaran yuran perkhidmatan RM10

3. CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

- 3.1 Borang Permohonan tempahan nombor pendaftaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tempahan yang disediakan di pejabat JPJ Negeri / Cawangan yang menawarkan nombor pendaftaran tersebut.
- 3.2 Borang permohonan boleh dihantar sendiri / Pos ke Pejabat JPJ Negeri / Cawangan. Walaubagaimanapun, bukti serahan atau pos bukan merupakan bukti penerimaan;

4. PENGUMUMAN KEPUTUSAN

- 4.1 Nama dan nombor identiti pengenalan diri pemohon yang berjaya akan dipamerkan pada hari keputusan tempahan nombor pendaftaran di papan kenyataan di pejabat JPJ Negeri / Cawangan yang berkenaan berserta nombor pendaftaran dan harga bidaan yang tertinggi;

5. SYARAT-SYARAT TAWARAN NOMBOR PENDAFTARAN

- 5.1 Bayaran penuh tempahan nombor pendaftaran yang berjaya hendaklah dibuat dalam tempoh **30 hari** dari tarikh surat keputusan dikeluarkan. Sekiranya pemohon gagal menjelaskan bayaran baki dalam tempoh yang ditetapkan, bayaran pendahuluan sebanyak 50% yang telah dikemukakan akan menjadi hasil Kerajaan;
6. Bagi pemohon-pemohon yang tidak berjaya, bayaran pendahuluan akan dikembalikan secara pos. Walaubagaimanapun bukti serahan atau pos bukan merupakan bukti penerimaan pemohon;
7. Pemohon yang berjaya menempah nombor pendaftaran dikehendaki mendaftar nombor tersebut dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh pembayaran penuh dijelaskan dan didaftarkan atas nama pemohon yang berjaya sahaja;
8. Nombor pendaftaran yang sudah dibayar tetapi gagal didaftar dalam tempoh yang ditetapkan akan ditarik balik tanpa sebarang notis dan sebarang bayaran yang telah dibuat **TIDAK** akan dikembalikan dan menjadi hasil kerajaan;
9. Penangguhan pembayaran dan pendaftaran nombor pendaftaran yang telah ditawarkan tidak akan dipertimbangkan;
10. Pengurangan harga tempahan bagi nombor pendaftaran yang telah ditawarkan tidak akan dipertimbangkan;
11. Permohonan yang tidak lengkap, lewat dan tidak mematuhi syarat-syarat akan **DITOLAK serta-merta**.
12. **Keputusan Jawatankuasa Penilai Tempahan Nombor Pendaftaran adalah muktamad.**